

Newspaper	Suara Keadilan
Date	16/4/2013

Dr M bertanggungjawab jika konfrontasi kaum

Suara Keadilan - 16/4/2013

KENYATAAN Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa akan berlaku konfrontasi kaum jika Lim Kit Siang menang di Gelang Patah boleh menghancurkan negara ini, kata Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub.

"Jika hancur negara ini kerana tercetusnya konfrontasi kaum akibat hasutan secara tidak langsung, Dr Mahathirlah yang bertanggungjawab. Kalau berulang lagi rusuhan kaum 13 Mei 1969, Dr Mahathirlah pencetusnya," tegas beliau mengulas tulisan dalam blog bekas Perdana Menteri itu.

Menurut mahathir, keputusan Kit Siang bertanding di kerusi majoriti Cina di Gelang Patah, disebabkan beliau mahu orang Cina di Johor menolak kerjasama

dan perkongsian dengan orang-orang Melayu.

"Konfrontasi kaum yang tidak sihat akan menggantikan kerjasama Cina-Melayu yang menyebabkan Malaysia stabil dan makmur.

"Kerjasama itu akan berakhir jika Kit Siang menang di Gelang Patah," tulisnya.

Salahuddin berkata, Perdana Menteri keempat yang paling lama berkuasa di Malaysia itu tidak bertanggungjawab apabila membuat kenyataan sedemikian.

"Kit Siang tidak membawa mesej perkauman sempit seperti Umno.

"Malah, beliau membawa semangat Datuk Onn Jaafar yang membuka keahlian Umno kepada semua kaum ketika beliau menjadi pemimpin parti itu," katanya.